

BAHAN KECEMERLANGAN 2016

PT3

BK 5

BAHASA MELAYU

Nama :.....

Kelas :.....

DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Arahan : Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan **Satu** soalan Bahagian D.

BAHAGIAN A

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. **Gariskan** kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1.a Pada minggu lepas sekolah kami telah mengadakan Program Minggu Kokurikulum. Banyak aktiviti telah dijalankan seperti gerai jualan, galeri pameran, pertunjukan seni silat dan pelbagai pertandingan lain. Kedengaran bunyi suara hiruk-pikuk penjual menjerit-jerit memanggil pelanggan untuk singgah ke gerai mereka. Gerai yang terbanyak sekali pelanggan dan tersangat cantik hiasannya akan diisytiharkan sebagai juara. Kehadiran tetamu pada hari kedua paling tinggi sekali kerana majlis tersebut sangat gilang-gemilang dengan kehadiran seniman tanah air yang amat terkenal. Kejayaan penganjuran Program Minggu Kokurikulum disebabkan oleh banyak pelajar yang tulang ringan dan sudi melibatkan diri.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

1.b Remaja itu kelihatan sungguh kacak. Dia berjalan cepat sangat. Seseekali dia kelihatan masih agak nakal berbanding dengan rakan-rakannya. Dia tidaklah sependai dengan adiknya. Gaya pertuturannya agak keinggeris-inggerisan kerana bapanya berasal dari kebarat-baratan. Badannya tinggi lampai dan kulitnya kuning langsung. Dia seorang yang mulut banyak tetapi belum cerdik lagi. Dia mempunyai seorang adik yang masih amat kecil, belum bersekolah dan suka tidur. Dia sedar sungguh bahawa pelajaran amat penting dalam hidupnya. Dia sungguh cintakan tanah airnya.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

- 2 Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
- i) Proses kitar semula sukar dilakukan sekiranya sampah yang dibuang bercampuraduk.

- ii) Perbuatan caci mencaci boleh mencetuskan perasaan ketidaksefahaman antara anggota masyarakat.

- iii) Membeli-belah di pasaraya lebih memberikan kemudahan kepada pengguna untuk mendapatkan semua barangan.

- iv) Banyak bahan mentah yang dieksport keluar negara dapat menjanakan pendapatan negara.

- v) Cerekarama yang disiarkan di televisyen semalam mengesahkan keruntuhan rumah tangga kesan perkahwinan pilihan keluarga.

- vi) "Patut kau terima jawatan sebagai jurulatih olahraga itu dahulu", kata Kamal kepada Hanafi.

- vii) Pelancong tidak menghadapi masalah untuk menginap kerana di pantai-pantai terdapat banyak calet.

- viii) Kami baru sahaja melihat kemalangan jalan raya yang cukup dasyhat.

- ix) Arif akan memperoleh komisyen jika barang elektrik yang dijualnya dibeli oleh pelanggan.

- x) Mesyuarat agung koperasi sekolah tidak dapat dijalankan kerana ahli yang hadir tidak cukup korum.
-

3.1 Arahan: Tukar ayat bersusunan biasa di bawah ini kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- i. Buku itu saya baca pada minggu lepas.
-

- ii. Harga minyak mentah dunia semakin meningkat oleh sebab pengeluarannya semakin menurun dari masa ke masa.
-

- iii. Pendaki itu tetap meneruskan pendakian Gunung Everest walaupun dia berhadapan dengan pelbagai halangan.
-

- iv. Encik Asmawi akan menghadiri kursus kejurulatihan bola sepak pada minggu depan.
-

- v. Ayah meletakkan surat khabar di atas meja.
-

3 (ii) Tukar ayat bersusunan songsang di bawah ini kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya

- i. Sedang mengail ikan pemuda itu.
-




- ii. Ke Pulau Redang mereka sekeluarga untuk melancong pada cuti sekolah nanti.

- iii. Akan membeli rumah dia jika mendapat pinjaman daripada bank.

- iv. Bagaimanakah keadaan ibunya selepas pembedahan mata?

- v. Sungguh merdu suara penyanyi yang berasal dari kampung itu.

- 3 Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.

MASA	AKTIVITI SEHARIAN
PAGI	
PETANG	
MALAM	

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

BAHAGIAN B
(30 markah)

- 5 Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah dinihari, bintang masih bercahaya, mergastua belum keluar mencari makan, maka gendang perang kedua-dua pihak pun berbunyi, terlalu azamat bunyinya. Segala menteri, hulubalang, rakyat, bala tentera pun bangun, masing-masing memakai alat senjata. Maharaja Marakarma dan Raja Mengindera Sari telah bermohon kepada ayahanda bonda mereka terlebih dahulu sebelum keluar berperang. Ayahanda mereka pun turut hendak keluar berperang, tetapi tidak diberi oleh kedua-dua anakanda.

Maka baginda berdua pun diam lalu baginda berdua naik ke atas bangunan-bangunan di atas kota itu untuk melihat orang berperang.

Maka berperanglah kedua-dua belah pihak. Gegak-gempita bunyi sorak segala pahlawan, gemerincing bunyi senjata, dan bertetakan pedang. Kedua-dua belah pihak bertarung mengikut taraf masing-masing, yang raja sama raja, menteri sama menteri, dan hulubalang dengan rakyat. Maka lebu duli pun bertebanganlah ke udara, menjadi kelim kabut kerana tiada apa-apa yang dapat dilihat.

Setelah banyak darah yang tumpah maka lebu duli itu pun hilanglah. Maka kelihatanlah orang berperang itu seperti bermain kerana ada yang berhambat-hambatan, usir-usiran, parang-memarang, dan tikam-menikam. Bangkai manusia pun bertimbun-timbun seperti bukit, kepala segala hulubalang dan pahlawan berpelantingan seperti anak keti di tengah padang.

(Dipetik daripada prosa ,Hikayat Marakarma,
Antologi Harga Sebuah Lukisan, Tingkatan 3
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Bagaimanakah kedua-dua belah pihak bertarung? (3 markah)

- ii) Nyatakan pengajaran dalam petikan Hikayat Marakarma. (3 markah)

- iii) Pada pandangan anda, bagaimanakah untuk menyelesaikan persengketaan antara dua pihak tanpa pertumpahan darah? (4 markah)

6. Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Sajak Rumput
Khadijah Hashim

Baru saja hendak mendongak
aku sudah dipijak
baru saja hendak berbedak
disebu debu menutup muka
cuaca panas angin kering
ditambah lagi bau busuk asap lori
sesak nafas bagai menunggu mati
mujur embun pagi membersihkan diri.

Baru saja tangan hendak menari
datang pemotong rumput
lalu dipotongnya jari doa
si pemotong rumput
cepat panjang
cepat dapat wang!

Nasib rumput di tepi jalan
tak se hijau rumput di padang.

(Dipetik daripada Antologi Harga Sebuah Lukisan,
Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- i) Berdasarkan sajak tersebut, apakah nasib yang digambarkan berlaku kepada orang miskin seperti perumpamaan rumput? (3 markah)

- ii) Nyatakan **dua** persoalan yang diketengahkan oleh penyajak dalam sajak di atas .
(3markah)

- iii) Pada pendapat anda, mengapakah kita diingatkan supaya tidak berserah kepada nasib sahaja?
(4markah)

- 7 Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3, **6:20** karya Siti Jasmina Ibrahim.

Novel dapat memupuk nilai murni seseorang watak. Berikan contoh peristiwa yang dapat menggambarkan nilai pengorbanan bagi setiap watak di bawah.

PUAN DELIA
NUR SUKMA
NENEK AIM



Nilai pengorbanan

(10 markah)

BAHAGIAN C

Ringkasan

8. *Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang **usaha-usaha untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Institusi keluarga ialah unit paling asas dan terpenting dalam proses pembentukan masyarakat. Jika baik, sejahtera dan bahagia sesebuah keluarga maka akan harmonilah generasi yang dilahirkan dalam sesebuah masyarakat. Sekiranya institusi keluarga berpecah belah, maka kesan sosial dan ekonominya akan dirasai oleh masyarakat dan generasi berikutnya. Oleh yang demikian, usaha-usaha yang sewajarnya haruslah dilakukan untuk memantapkan hubungan kekeluargaan.

Asas kebahagiaan sesebuah keluarga sebenarnya bermula daripada ibu bapa. Ibu bapa perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan keibubapaan. Hal ini penting agar mereka memahami tanggungjawab besar yang terletak di bahu mereka dalam memastikan kebahagiaan keluarga mereka. Ibu bapa juga merupakan peneraju kehidupan dalam sesebuah keluarga. Oleh itu, ibu bapa seharusnya memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada ahli keluarga. Hubungan keluarga yang erat juga dapat dilahirkan melalui penyertaan aktiviti rekreasi secara bersama-sama. Antaranya bersenam dan berjoging pada waktu pagi ataupun pergi membeli belah bersama-sama. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan dan persefahaman sesama ahli keluarga.

Pegangan agama turut memainkan peranan penting dalam mewujudkan hubungan yang harmoni. Oleh itu, ibu bapa perlu memberikan didikan agama yang kukuh kepada anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak yang mempunyai pegangan agama akan mampu mewujudkan persefahaman dan toleransi dalam keluarga. Selain itu, penerapan nilai-nilai murni mengenai hubungan kekeluargaan dalam jiwa anak-anak muda haruslah disemai sejak masih kecil lagi seperti peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya. Selain itu, setiap anggota keluarga juga haruslah menghindari emosi negatif seperti marah kesal dan kecewa sekiranya ada sesuatu yang tidak sesuai dengan kehendak diri. Sifat negatif ini akan menimbulkan permusuhan dalam keluarga. Seterusnya, gunakan waktu bersama-sama keluarga untuk menyampaikan nilai-nilai positif dan membangun sebagai usaha mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Intihanya, setiap orang haruslah berazam untuk melahirkan institusi keluarga yang kukuh, harmoni dan sejahtera. Hal ini penting kerana kerenggan hubungan keluarga akan menyumbang kepada masalah pengabaian ahli keluarga dan juga pertambahan gejala sosial dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, konsep rumahku syurgaku haruslah menjadi pegangan setiap keluarga.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada ' Hubungan
Kekeluargaan Semakin Renggang –Kesan, Faktor
dan Usaha, Oleh Zaidora Zahid


BAHAGIAN D

(30 markah)

9 Gambar di bawah berkait dengan semangat cinta akan alam sekitar dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Teliti gambar-gambar tersebut, kemudian pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan. Anda boleh memilih untuk menjawab sama ada Soalan 1, Soalan 2, atau Soalan 3.

Panjangnya karangan anda hendaklah tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

CINTA AKAN ALAM SEKITAR

PENINGKATAN SUHU BUMI



PELBAGAI KEGUNAAN SUNGAI




BUANGAN SISA KILANG



PROGRAM KITAR SEMULA



HAKISAN TANAH



GOTONG ROYONG

- (i) Anda telah mewakili sekolah anda dalam satu pertandingan syarahan yang bertajuk 'Cintailah Sungai Kita'

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

- (ii) Kegiatan pembalakan haram di negara kita semakin serius.

Huraikan kesan-kesan negatif pembalakan haram terhadap alam sekitar.

- (iii) Alam sekitar yang bersih penting dalam kehidupan kita.

Bincangkan langkah-langkah yang patut kita lakukan untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

KERTAS SOALAN TAMAT